

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 31 / 03 / 2000

## BISIK-BISIK

**PERNAH** dilaporkan bahawa kerajaan bercadang mengadakan undang-undang bagi menyekat agama daripada dicampuradukkan dengan politik.

Memandangkan semakin banyak perkara yang tidak sepatutnya berlaku terus dilakukan dalam hal-hal yang melibatkan soal keagamaan, Awang rasa cadangan tersebut wajar disegerakan.

Seelok-eloknya, pembetulan dibuat tanpa perlu menggunakan undang-undang. Tapi nampaknya sudah tidak ada jalan lain lagi.

Penggunaan undang-undang juga menjadi semakin perlu kerana mereka yang diamanahkan untuk membetulkan yang salah, memilih untuk berdiam diri.

Kenapa mereka jadi begitu? Apakah tubuh badan sahaja di sebelah sini, tapi jiwa raga di sebelah sana?

Awang – Sekadar bertanya.

*Awang Sulung*